



KENYATAAN MEDIA UPACARA MENGANGKAT SUMPAH AHLI DEWAN NEGARA

KUALA LUMPUR, 25 MEI 2026 – Seramai **tiga (3)** Ahli Dewan Negara telah mengangkat sumpah jawatan senator di hadapan, YB Senator Dato Awang Bemee bin Awang Ali Basah, Yang di-Pertua Dewan Negara.

Perincian pelantikan YB Senator yang berkenaan adalah seperti berikut:

Lantikan Baharu

1. YB Senator Dato' Seri Prof. Dr. Noor Inayah binti Ya'akub
Pilihan Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang
Bermula 14 Mei 2026 hingga 13 Mei 2029

Lantikan Semula

1. YB Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail
Pilihan Dewan Undangan Negeri (DUN) Terengganu
Bermula 23 April 2026 hingga 22 April 2029
2. YB Senator Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam
Pilihan Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang
Bermula 14 Mei 2026 hingga 13 Mei 2029

Majlis ini bukan sekadar memenuhi kehendak Perlembagaan Persekutuan dan Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Negara, malah merupakan manifestasi kelangsungan institusi demokrasi berparlimen negara yang berteraskan keluhuran Perlembagaan, kedaulatan undang-undang serta prinsip semak dan imbang dalam sistem pemerintahan negara.

-TAMAT-